

# UMP lancar portal alumni

Metro (Setengah) Khamis 28/10/10 (MIS)

**K**UANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan portal persatuan alumni universiti itu dalam usaha mengumpul bekas pelajar dan kakitangan bagi membolehkan mereka terus berhubung untuk membina persahabatan serta menimba pengalaman yang berguna di kalangan ahlinya, kelmarin.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, portal yang baru dilancarkan itu juga platform menyebarkan maklumat dan mengadakan aktiviti berfaedah untuk manfaat bersama.

Menurutnya, UMP sentiasa berlapang dada dan menggalakkan ahli alumni turut serta dalam pelbagai aktiviti dianjurkan universiti.

“Persatuan Alumni UMP diharapkan dapat terus berbakti sebagai ‘alma matter’ dan meneruskan kesinambungan hubungan dengan universiti ini.

“Ini kerana UMP bukan saja gedung menghimpun-

kan masyarakat yang dahagakan ilmu, namun mampu melahirkan pentadbir baik serta memberi sumbangan khidmat bakti kepada negara,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran portal berkenaan anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMP, di sini.

Turut hadir, Rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) iaitu nama asal UMP sebelum penjenamaan semula, Profesor Datuk Dr Abu Azam Md Yassin dan Timbalan Pendaftar JHEPA UMP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Alumni, Abdul Shukur Ishak.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Profesor Dr Yuserrie Zainuddin, berkata ahli alumni digalakkan bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti persatuan bersama warga UMP dalam usaha merealisasikan visi universiti.